

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HGG 351/433 - Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN (8) SOALAN DI DALAM TIGA (3) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. i) Jelaskan andaian-andaian penting model neo klasik dalam teori pembangunan wilayah.

[10 markah]

- ii) Sejauhmana penambahan elemen kemajuan teknikal memperkenalkan aspek realisme dalam model neo klasik.

[15 markah]

2. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bagaimanakah proses pengganda wilayah mengakibatkan pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah?

[25 markah]

../2

3. i) Huraikan pola pengagihan sumber yang terdapat di negara anda.
[10 markah]
- ii) Sejauhmanakah ketidaksamarataan pembangunan wilayah berpunca dari pola pengagihan sumber tersebut?
[15 markah]
4. i) Jelaskan peralihan penekanan strategi pembangunan wilayah di Malaysia pada tahun 1990an.
[10 markah]
- ii) Sejauhmana anda bersetuju kepada pendapat yang mengatakan bahawa pengaruh luaran adalah penyebab utama berlakunya peralihan tersebut.
[15 markah]
5. i) Jelaskan jenis-jenis insentif kewangan dan bukan kewangan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia sejak 1980.
[10 markah]
- ii) Sejauhmana insentif-insentif ini berjaya merangsang pertumbuhan IKS yang bersifat inovatif di wilayah mundur di negara ini.
[15 markah]

6. Dengan merujuk kepada pengalaman negara-negara Barat dalam mengaplikasikan konsep Pusat Teknologi Tinggi, bincangkan beberapa pengajaran bagi Malaysia dalam usahanya untuk menjadikan Pusat Teknologi Tinggi sebagai alat dasar pengwujudan inovasi di peringkat wilayah.

[25 markah]

7. Anda dikomisenkan untuk menjalankan satu kajian mengenai "Analisis Ekonomi Wilayah".

- i) Jelaskan cara yang baik untuk memulakan "Analisis Ekonomi Wilayah".

[10 markah]

- ii) Untuk bahagian kecil "Aliran dan Rantaian dalam Wilayah" kajian ini,uraikan kategori rantaian yang perlu diambilkira, dan mengapa?

[15 markah]

8. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana wilayah boleh mengekalkan suasana kestabilan dan "cukup-diri" dalam ekonomi wilayah semasa proses globalisasi.

[25 markah]